

Kenyataan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai Majlis Penuh Pada 30 Jun 2011

1. **AL-FATIHAH KEPADA MANTAN YDP, DATO' HJ. MD. ARIS BIN ARIFFIN**

Majlis mengucapkan takziah kepada keluarga Dato' Hj. Md. Aris bin Ariffin, Mantan Yang DiPertua MPSP, yang telah kembali ke rahmatullah pada 29 Jun 2011. Untuk makluman semua, allahyarham telah berkhidmat dengan MPSP mulai 7 April 2004 sehingga 5 Mac 2007. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. Amin.....

2. **PROJEK CSR MPSP (Corporate Social Responsibility)**

Adalah dimaklumkan MPSP telah mengenalpasti 25 lokasi strategik di Seberang Perai yang boleh di ambil oleh individu-individu, syarikat-syarikat, pemaju, pihak bank, organisasi kerajaan dan swasta untuk projek CSR landskap seperti berikut :

Seberang Perai Utara

Bil.	Lokasi
1	Pintu Masuk Bumbung Lima
2	Bulatan Bandar Putra Bertam
3	Pintu Masuk Kampung Selamat
4	Pintu Ara Kuda-Lunas
5	Bandar Butterworth
	5.1 Jalan Bagan Luar
	5.2 Anjung Bagan
	5.3 Taman Pantai

Seberang Perai Tengah

Bil.	Lokasi
1	Bulatan Seberang Jaya
2	Bulatan Jalan Tenggiri
3	Bulatan Kawasan Perindustrian Perai
4	Bulatan Bukit Tengah
5	Bulatan Bandar PERDA
6	Pintu Masuk Jalan Machang Bubuk
7	Persimpangan Jalan Baru
8	Persimpangan Auto City, Juru
9	9.1 Bulatan Bukit Minyak A (Jalan Perindustrian 7)
	9.2 Bulatan Bukit Minyak B (Jalan Perindustrian 5)

Seberang Perai Selatan

Bil.	Lokasi
1	Pintu Masuk Pmtg Keling
2	Pintu Masuk Taman Sempadan
3	Pintu Masuk Sg Kecil Hilir/Jalan Kg Besar

- 4 Pintu Masuk Jalan Relau
- 5 Pintu Masuk Jalan Tasek / Junjung

Projek CSR yang sedang dijalankan

Bil.	Lokasi
1	Taman Tugu Demokrasi Bagan
2	Vision Park Bertam

Justeru, MPSP menyeru kepada individu-individu, syarikat-syarikat, pemaju, pihak bank, organisasi kerajaan dan swasta untuk tampil bersama-sama dengan MPSP dalam perkongsian projek (Public-Private-People-Partnership : 4P's) bagi menceria dan mengindahkan Seberang Perai.

3. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK SETENGAH TAHUN KEDUA 2011

Bil cukai taksiran untuk setengah tahun kedua, 2011, telah mula dihantar kepada pemilik-pemilik harta di Seberang Perai pada 20 Jun 2011. Bayaran cukai taksiran perlu dibuat sebelum 31 Ogos 2011 di kaunter-kaunter bayaran, MPSP di Bandar Perda, Jawi dan Butterworth. Pembayar cukai boleh menyemak cukai taksiran di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 04-5497470/471/696/697 atau email ke waran@mpsp.gov.my.

4. PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Sukacita dimaklumkan bahawa pada 15 Jun 2011 yang lalu, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Majlis Perjumpaan Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara Bersama Datuk Bandar dan Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia. Majlis yang dihadiri oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia ini turut disertai oleh Ahli PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan), Pengurusan Tertinggi KPKT, Ketua Pengarah Jabatan di bawah KPKT serta Pengarah dan Pegawai JKT.

Melalui majlis tersebut, pihak Kementerian telah mengaturkan sesi perkongsian ilmu berbentuk pembentangan kertas kerja yang disampaikan oleh wakil DBKL, wakil Majlis Perbandaran Kuantan dan wakil MPSP. MPSP telah terpilih untuk membentangkan kertas kerja yang bertajuk Sistem Pengurusan Maklumat Kewangan MPSP yang menjadi penandaaras oleh PBT-PBT lain di negara ini. Pembentangan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Perbendaharaan, Encik Hairay bin Md. Yusof.

Dalam sesi ini, pembentangan daripada MPSP telah menarik perhatian semua Datuk Bandar dan Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil pembentangan, MPSP telah menerima beberapa permohonan untuk dikunjungi oleh PBT-PBT yang berminat, antaranya termasuklah dari Perbadanan Putrajaya, Institut Latihan PBT Selangor, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Perbandaran Kota Bharu.

5. HARI ULANG TAHUN PENGISYTIHARAAN TAPAK WARISAN DUNIA

Sukacita dimaklumkan sebagai meraikan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pulau Pinang telah menetapkan pada 7 Julai setiap tahun sebagai cuti umum negeri.

Penetapan 7 Julai sebagai Hari Cuti Umum ini telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 17 Dis 2009 dan Surat Pekeliling mengenai perkara ini telah dikeluarkan kepada semua Ketua-ketua Jabatan, Agensi Persekutuan dan Negeri serta Ketua Pengarah Pelajaran bagi memaklumkan perkara itu.

Cuti umum ini adalah bagi memberi peluang kepada pekerja mengambil bahagian meraikan sambutan Ulang Tahun Pengiktirafan Bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia.

6. HARI JADI YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Kesempatan ini, saya dan juga seluruh warga kerja MPSP, dengan penuh hormat dan takzimnya ingin mengucapkan Selamat Hari Jadi yang ke-73 kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, yang akan disambut pada 9 Julai 2011.

Semoga T.Y.T dan Toh Puan sentiasa mendapat rahmat daripada Allah s.w.t. dalam mengharungi kehidupan seharian serta sihat sejahtera untuk terus memainkan peranan sebagai tampuk pemerintahan Negeri Pulau Pinang.

7. BUKIT "MINYAK CG PENANG PROGRAMME" 10 JULAI 2011

Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan melancarkan "Program Inisiatif Pulau Pinang Bersih dan Hijau" dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai dan lain-lain agensi pada 10 Julai 2011 (Ahad), bertempat di JMTI (*Japan-Malaysia Technical Institute*), Bukit Minyak jam 8:30 pagi. Pelbagai aktiviti akan dijalankan sempena program tersebut antaranya ialah Kutipan Sampah, Gotong-Royong Perdana bersama pengilang-pengilang

di kawasan Perindustrian Bukit Minyak, aktiviti Kitar Semula (*Buy Back Recycle*) dan pameran daripada agensi-agensi kerajaan yang dijemput.

Selain daripada itu, terdapat juga program tanaman pokok yang akan dibahagikan kepada empat kawasan iaitu kawasan A, B, C dan D. Setiap kawasan mempunyai satu (1) pusat perhimpunan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut. Tempat pelancaran tanaman pokok ialah di kawasan A (JMTI) yang mana akan dilancarkan oleh Y.A.B Ketua Menteri. Sejumlah 70 pokok jenis "Tecoma" akan disumbangkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk kawasan tersebut.

Sementara itu, bagi kawasan B (Jalan Perindustrian Bukit Minyak 11), kawasan C (Lengkok Perindustrian Bukit Minyak 1) dan kawasan D (Lorong Perindustrian Bukit Minyak 11) pihak urusetia program Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memohon pihak Jabatan Perhutanan Negeri untuk turut sama menyumbangkan jenis pokok yang sama untuk ditanam di tiga kawasan tersebut. Lain-lain peralatan menanam pokok seperti kompos dan pancang akan disumbangkan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Di akhir program, Y.A.B Ketua Menteri akan memberikan pengiktirafan berbentuk sijil kepada semua penaja yang mengambil bahagian.

8. SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-37/2011

Sukacita dimaklumkan pada 23 Julai 2011, MPSP akan mengadakan sambutan Perayaan Hari Majlis Yang Ke-37/2011. Pelbagai program dan acara yang akan disediakan pada hari tersebut, antaranya adalah :-

8.1 PROGRAM KUALITI

8.1.1 PERTANDINGAN ZON TERBAIK QE/5S

MPSP berusaha dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sistem kerja yang berkualiti dan efisien berupaya meningkatkan keyakinan para **Stakeholders** ke atas MPSP dan mampu menarik lebih banyak pelaburan di Seberang Perai.

Bagi merealisasikan hasrat ini, tahun 2011 dijadikan sebagai Tahun Mengukuhkan Kualiti dan Inovasi berteraskan kepada iltizam untuk Membangunkan Keupayaan. Budaya kualiti diterapkan di kalangan semua kakitangan MPSP melalui beberapa program kualiti yang telah dilaksanakan sebelum ini, termasuklah pelaksanaan QE, iaitu Amalan Persekitaran Berkualiti. Keadaan persekitaran kerja yang selesa dan teratur akan memudahkan

pengesanan maklumat dan fail yang akan mempercepatkan proses kerja setiap kakitangan.

Justeru, untuk meningkatkan motivasi serta semangat kerja berkumpulan di kalangan kakitangan, MPSP mengadakan pertandingan Zon Terbaik amalan QE bagi menobatkan jabatan yang didapati mempunyai amalan QE yang cemerlang. Ianya diputuskan melalui audit dalaman yang diadakan dua kali, iaitu pada 23 Jun 2011 dan 5 Julai 2011. Zon terbaik akan menerima piala pusingan yang akan ditempatkan di jabatan berkenaan sehingga audit seterusnya.

8.1.2 KAIZEN

Merupakan istilah dari Jepun yang bermaksud penambahbaikan berterusan. Dengan konsep terbuka bahawa idea penambahbaikan boleh dikemukakan oleh sesiapa sahaja dalam organisasi dari pegawai atasan hinggalah kakitangan bawahan. Ianya bagi menggalakkan sumbangan kreatif oleh kakitangan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti disamping menjimatkan kos. Ia juga berdasarkan pandangan 'Hari esok perlu lebih baik dari hari ini dan hari ini perlu lebih baik dari semalam'. Penambahbaikan dibuat dalam bentuk yang kecil tetapi mempunyai impak yang besar kepada organisasi. Pada tahun ini MPSP akan memberikan anugerah KAIZEN kepada kakitangan yang telah memberikan sumbangan idea kreatif yang telah mendatangkan impak kepada MPSP. Mereka yang terlibat akan diberikan Sijil Penghargaan dan cenderahati.

8.1.3 PELANCARAN BALANCE SCORECARD

Balance ScoreCard merupakan alat pengukuran prestasi pengurusan bagi mengimbangi arah tuju organisasi ke arah pencapaian visi dan misi yang ditetapkan oleh sesebuah organisasi. Pengurusan strategik berpandukan kaedah **Balance Score Card** diterapkan oleh pengurusan MPSP bagi melihat, menterjemahkan visi dan misi MPSP berdasarkan empat perspektif, iaitu kewangan, pelanggan, proses dalaman serta pertumbuhan dan pembelajaran. Penggunaan **Balance Score Card** dalam konteks ini akan dijadikan sebagai kayu pengukur yang komprehensif bagi pengurusan MPSP menilai kemajuan serta prestasi pencapaian sasaran yang ditetapkan melalui pelaksanaan Program Transformasi MPSP. Keempat-empat perspektif tersebut saling berkait dalam proses untuk merealisasikan Program Transformasi MPSP ini.

Sempena Sambutan Hari Majlis MPSP yang ke-37/2011, dokumentasi **Balance ScoreCard** ini yang telah disiapkan akan dilancarkan dan diedarkan kepada warga MPSP sebagai panduan serta rujukan bagi memastikan strategi yang telah dirancang dilaksanakan melalui pelan tindakan yang telah ditetapkan, di

mana ianya dibahagikan kepada aktiviti-aktiviti jabatan MPSP yang saling berkait . Pengukuran berdasarkan KPI (Indeks Petunjuk Prestasi) yang telah dimuktamadkan dan diukur untuk memastikan keberkesanan aktiviti agar ianya dilaksanakan searah dan selari dengan halatuju MPSP.

8.2 FORUM PERDANA

Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menganjurkan satu Forum Perdana bertajuk “**Kebersihan Sebahagian Daripada Iman**” pada 16 Julai 2011 jam 9:00 malam bertempat di perkarangan Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Forum Perdana ini akan dipengerusikan oleh Ustaz Haji Roslan bin Che Ros dan 2 ahli panel iaitu Ustaz Haslin bin Baharin dan Ustazah Dr Farah Shazwani binti Mohamad Tarmizi.

8.3 GOTONG-ROYONG PROGRAM ‘COMMUNITY CLEANING’ ANJURAN BERSAMA PETROSAINS

Bersempena sambutan Perayaan Hari Majlis ini, Program ‘Community Cleaning’ bersama Petrosains juga akan diadakan pada 24 Julai 2011 (Ahad) bertempat di Bandar Perda, Bukit Mertajam yang bertujuan untuk mengumpul seberapa ramai masyarakat setempat bagi bekerjasama membersihkan kawasan yang tercemar atau terbiar agar dapat dipulihkan kembali. Objektif program ini adalah untuk memupuk minat, kesedaran dan penghayatan di kalangan masyarakat tempatan mengenai impak sains terhadap alam sekitar, memperkukuhkan hubungan antara sains dan aplikasinya dan kepentingannya dalam kehidupan seharian, mendidik orang ramai tentang kepentingan *biodiversity* dan bagaimana tindakan mereka mempengaruhi alam sekitar di sekeliling dan meningkatkan pengetahuan dan sikap masyarakat tentang pencegahan dan kawalan mengenai perkara-perkara yang melibatkan alam sekitar yang menyumbang kepada ekosistem secara keseluruhan.

8.4 GERAI JUALAN DAN PROMOSI

Bagi memeriahkan sambutan Perayaan Hari Majlis Yang Ke-37, MPSP memberi ruang kepada peniaga-peniaga, penjaja serta agensi kerajaan / swasta untuk berniaga dan mempromosi produk / perkhidmatan mereka pada hari tersebut. Borang serta syarat-syarat untuk penyewaan kanopi (gerai jualan) boleh didapati di Kedai PESUKA, MPSP. Sebarang pertanyaan sila hubungi talian 04-5393790.

8.5 Program-program lain yang akan turut memeriahkan lagi Sempena Perayaan Hari Majlis Ke-37 ini, antaranya adalah ;

- Majlis Perhimpunan Warga MPSP Serta Memperbaharui Ikrar dan Ikrar

Kualiti

- Penganugerahan Taman Bersih
- Tempahan Gotong Royong Secara Online
- Kempen 1 Tong Sampah 1 Premis
- Larian (Naik tangga Ibu Pejabat MPSP)
- Futsal antara Jabatan
- Pertandingan Mewarna/ Kanak-kanak / Tayangan Filem
- Pameran
- Pertandingan Lumba Basikal
- Kempen Menanam Pokok
- Pelancaran Pengindahan Taman Pantai dan Anjung Bagan
- Ceramah kepada warga MPSP
 - Peningkatan Disiplin & Transformasi Warga Kerja & Amalan
 - Pengurusan Kewangan Berhemah Sebagai Budaya Hidup

Semua yang berada di sini dan juga orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir dan turut serta bersama-sama MPSP dalam memeriahkan lagi program ini.

9. PROMOSI BAYARAN KOMPAUN LETAK KERETA SEMPERA PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-37

Sempena Perayaan Hari Majlis ini juga, yang akan diraikan pada hari Sabtu, 23 Julai 2011, sukacita dimaklumkan bahawa ;

- Kompaun letak kereta akan dikenakan sebanyak RM15.00 sahaja bagi setiap kompaun
- Hanya kompaun-kompaun yang belum didaftarkan ke mahkamah sahaja layak untuk menerima harga potongan yang dinyatakan.
- Selepas dari promosi ini, Majlis hanya akan membenarkan kompaun ditawarkan pada harga potongan sebanyak 50% sahaja bagi setiap kompaun.

- Promosi hanya akan diadakan pada 23 Julai 2011, mulai jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang sahaja.

10. KAUNTER BERGERAK MPSP

Sukacita di maklumkan bahawa Kaunter Bergerak MPSP akan mula beroperasi pada setiap hari Sabtu dan Ahad di sepanjang bulan Julai dan Ogos 2011 di pasar-pasar awam di Seberang Perai. Jadual kaunter Bergerak MPSP boleh didapati di kaunter-kaunter MPSP dan di www.mpsp.gov.my.

11. STIKER LETAK KERETA PERCUMA KEPADA ORANG KURANG UPAYA (OKU) DAN PENJAGA

1. Dimaklumkan bahawa stiker letak kereta percuma OKU boleh dipohon di Tingkat 14, Jabatan Khidmat Pengurusan , Majlis Perbandaran Seberang Perai, Bandar Perda dengan mengisi borang permohonan dan mengemukakan :-
 - salinan kad OKU dari Jabatan Kebajikan Masyarakat
 - salinan lesen memandu
 - salinan geran kenderaan
 - sekeping gambar
2. Kriteria tambahan pemberian stiker percuma OKU iaitu pemberian kepada penjaga OKU dibataskan kepada kes-kes seperti cacat penglihatan, lumpuh, kurang kecerdasan otak dan lain-lain ketidakupayaan yang memerlukan bantuan penjaga untuk menguruskan mereka.
3. OKU dan Penjaga OKU yang menetap di Pulau Pinang dan bekerja di Seberang Perai juga layak memohon.
4. Pemohon hanya layak menerima 1 stiker letak kereta percuma sahaja.
5. Tempoh sah penggunaan stiker ini hanya 2 tahun sahaja.
6. Panduan mengawal petak letak kereta dari disalahgunakan :-
 - Penguatkuasa akan mengunci tayar kenderaan sekiranya menyalahgunakan petak letak kereta OKU tersebut. Nilai kunci tayar adalah sebanyak RM50
 - Papan tanda makluman kunci tayar hendaklah dipacak berhampiran petak letak kereta OKU sebagai pemberitahuan amaran sekiranya menyalahgunakan petak letak kereta OKU.
 - Jabatan Perancang Bandar juga perlu mensyaratkan dalam pelan kelulusan merancang bahawa petak letak kereta untuk OKU mesti disediakan.

12. BAHAN BUANGAN UNTUK DIKITAR SEMULA

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan, MPSP dan MPPP disarankan untuk mencapai 30% bahan buangan untuk di kitar semula. Pencapaian MPSP sehingga kini adalah 23%. Justeru MPSP mengharapkan agar orang ramai dan pengusaha bahan buangan untuk dikitar semula dapat menggiatkan lagi usaha dan memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan usaha menjadikan Pulau Pinang bersih dan hijau. Sebagai makluman, Statistik Kitar Semula di Seberang Perai adalah seperti berikut ;

2008 : 20.82 %
2009 : 23.55 %
2010 : 23.35 %
2011 : 23.75 % (data sehingga April)

Bagi mencapai hasrat Kadar Kitar Semula kepada 30 % ini, MPSP akan :

1. Meningkatkan aktiviti pendidikan kepada masyarakat, pelajar sekolah, pihak swasta, institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan lain-lain melalui;- ceramah, poster, risalah, pameran.
2. Bekerjasama dengan agen belian bagi memperluaskan aktiviti '*Buy Back*' di pusat-pusat membeli belah.
3. Mempergiatkan promosi program kitar semula di taman-taman perumahan, flat dan perkampungan.
4. Menggalakkan aktiviti pengkomposan di Pasar Bagan Ajam dengan kerjasama pihak-pihak yang terlibat seperti pengusaha restoran, pasar awam dan lain-lain.
5. Memperkenalkan sistem '*Polluters Pay*' bagi menggalakkan penggunaan mengurangkan sisa dengan kaedah kitar semula .

13. TINDAKAN PENGUATKUASAAN MPSP BULAN JUN 2011

Sepanjang bulan Jun 2011, Direktorat Penguatkuasaan telah menyerahkan 59 notis berhenti kerja dan 41 notis meroboh ke atas binaan-binaan tanpa kebenaran.

Sebanyak 1,534 buah premis perniagaan telah diperiksa dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 118 kompaun telah dikeluarkan kerana tidak mempunyai lesen.

Direktorat Penguatkuasaan juga telah mengeluarkan 103 kompaun kenderaan berat di dalam taman perumahan serta 113 kompaun ke atas kenderaan lori tanah yang menyebabkan jalan kotor.

Sebanyak 262 buah kenderaan telah dikunci tayar dengan kutipan sebanyak RM13,100.00 bayaran telah diterima.

Sebanyak 5,093 kompaun parking telah dikeluarkan dan kompaun yang telah dibayar adalah berjumlah RM101,140.00 bagi sepanjang bulan Jun 2011.

Sekian, terima kasih.